



PIHAK BERKUASA TEMPATAN TAMAN PERINDUSTRIAN HI-TECH KULIM

IKLAN JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa kepada Warganegara Malaysia (**keutamaan diberi kepada pemohon yang mempunyai latar belakang bidang pengajian undang-undang**) yang berkelayakan dan berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan bagi mengisi kekosongan jawatan berikut:

1. Jawatan : PENOLONG PEGAWAI TADBIR

Taraf : Kontrak

Gred : N5

Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana

Klasifikasi Perkhidmatan : Pentadbiran dan Sokongan

Gaji Minimum Gaji Maksimum Kadar Kenaikan Gaji Tahunan

RM 1,650.00 RM 6,620.00 RM 145.00

Kelayakan

- i) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
[Gaji permulaan ialah pada Gred N5: RM1,650.00]; atau
- ii) Sijil Tinggi Agama Malaysia yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
[Gaji permulaan ialah pada Gred N5: RM1,650.00]; atau
- iii) Sijil Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred N5: RM1,650.00); atau

- iv) Diploma dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institut pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
[Gaji Permulaan ialah pada Gred N5: RM1,893.00]; dan
- v) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

CARA-CARA MEMOHON:

- a. Permohonan hendaklah dibuat dengan mengisi Borang Permohonan Jawatan yang asal dengan memuat turun melalui laman sesawang Pihak Berkuasa Tempatan Taman Perindustrian Hi-Tech Kulim. Satu borang adalah untuk satu jawatan sahaja.
<https://pbt.kedah.gov.my/index.php/peluang-pekerjaan-pbtphtk/>
- b. Borang permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar kepada:

**YANG DIPERTUA
Pihak Berkuasa Tempatan
Taman Perindustrian Hi-Tech Kulim
Lot 01-03 KHTP Administrative Centre,
Kulim Hi-Tech Park,
09090 Kulim,
Kedah Darul Aman.
(u/p: Bahagian Pentadbiran)**

- c. Salinan sijil-sijil akademik dan dokumen berkaitan hendaklah DISAHKAN oleh Pegawai Kerajaan (Kumpulan Pengurusan & Profesional).

- d. Sila nyatakan nama jawatan yang dipohon di penjuru kiri sampul surat.

- e. Permohonan yang berikut akan ditolak atau tidak akan diproses:
 - i. Tidak mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan dalam iklan
 - ii. Tidak mengemukakan dokumen yang diperlukan.
 - iii. Borang permohonan tidak diisi dengan lengkap atau tidak jelas.
 - iv. Borang permohonan tidak ditandatangani.
 - v. Tidak dikemukakan melalui Ketua Jabatan bagi pegawai sedang berkhidmat.
 - vi. Borang permohonan dihantar SELEPAS tarikh tutup iklan.

PERHATIAN:

- i. Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temuduga.
- ii. Pemohon-pemohon yang tidak menerima jawapan selepas enam (6) bulan dari tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya. Tiada makluman bersurat akan dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan Taman Perindustrian Hi-Tech Kulim.
- iii. Perbelanjaan untuk menghadiri temuduga ditanggung sendiri oleh pemohon.
- iv. **TARIKH TUTUP PERMOHONAN: 13 JANUARI 2025 (ISNIN).**